

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.A/(77)

18hb. Jun, 1980

Kepada :

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan & Negeri

Semua Ketua Badan-badan Berkanun

Semua Akauntan, Pejabat-pejabat Cawangan Jabatan Akauntan Negara

Semua Akauntan Perbendaharaan Jabatan Yang Mengakaun Sendiri

Semua Bendahari/Akauntan Negeri,

Semua Pemegang Panjar.

Y.B. Tan Sri/Dato'/Tuan

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 1980

SEMAKAN GAJI PEGAWAI SEKTOR AWAM

Saya adalah diarah menarik perhatian Y.B. Tan Sri/Dato'/Tuan kepada surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.SULIT/81/8/16/(4) bertarikh 6hb. Jun, 1980 mengenai semakan gaji pegawai Sektor Awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan mulai 1hb. Julai, 1980.

Bagi melaksanakan pembayaran gaji baru dan elaun-elaun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui surat Jabatan Perkhidmatan Awam yang tersebut dalam perenggan diatas, pihak-pehak yang berkenaan adalah diminta mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan dibawah ini:-

a) Perubahan kepada gaji baru hendaklah dimasukkan dalam lambaran gaji bagi bulan Julai, 1980. Jika atas sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan perubahan itu tidak dapat dimasukkan dalam lambaran gaji bulan Julai, 1980, perbezaan antara gaji baru dengan gaji lama dan elaun-elaun yang berkenaan hendaklah dibayar melalui vaucer berasingan dan pembayaran itu dibuat pada akhir bulan Julai, 1980 juga.

b) Peraturan yang dinyatakan di perenggan kecil (a) diatas tidak melibatkan Kementerian/Jabatan yang mana lambaran gajinya disediakan oleh Bahagian Gaji Pusat, Jabatan Akauntan Negara, Kuala Lumpur.

c) Borang Kew.8 (Laporan Perubahan) hendaklah disediakan bagi tiap-tiap seorang pegawai yang terlibat.

d) Pembayaran elaun-elaun selain daripada gaji hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Objek Lanjut seperti berikut :-

Jenis Elaun	Kod Objek Lanjut
(i) Elaun Khidmat Awam	1251
(ii) Elaun Keraian	1252
(iii) Bantuan Sewa Rumah	1253

e) Pegawai-pegawai yang berhak menerima Bantuan Sewa Rumah tetapi masih mendiami rumah-rumah Kerajaan atau rumah-rumah yang disewa oleh kerajaan untuk mereka, sewa yang dikenakan keatas mereka hendaklah ditunjukkan dalam lambaran gaji sebagai potongan gaji dan Bantuan Sewa Rumah sebanyak amaun yang sama dengan potongan gaji dimasukkan dalam ruangan pendapatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ZAINUL ABIDIN BIN YAHAYA)

b.p. Akauntan Negara, Malaysia.